

14/10/2000

Yayasan Budiman berjaya kumpul dana RM2.8 juta

YAYASAN Budiman Universiti Teknologi Mara (UiTM) mengumpul dana sebanyak RM2.8 juta sejak penubuhannya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 26 Ogos tahun lalu.

Pengerusinya, Tan Sri Saleh Sulong, berkata dana yang dikumpulkan melalui sumbangan jualan meja, iklan dan dermawan itu akan digunakan bagi membantu pelajar UiTM yang berasal daripada keluarga miskin.

Selain itu, katanya, dana berkenaan juga dikhususkan bagi membantu bekas penuntut UiTM yang kurang bernasib baik dan ingin memajukan kerjaya mereka dalam pelbagai bidang.

"Kita akan menggunakannya bagi menyalurkan bantuan khusus untuk pembangunan UiTM dan sebuah jawatankuasa berkaitan sudah dibentuk sebagai urus setia bagi menimbang permohonan daripada mana-mana pihak.

Hadir sama Naib Canselor UiTM, Datuk Prof Dr Ahmad Zaidee Ladin; Ketua Eksekutif Permodalan Nasional Berhad (PNB), Datuk Hamad Kama Piah Che Othman; Provos UiTM Machang, Prof Madya Hussin Ab Rahman dan Pengerusi Alumni UiTM Kampus Machang, Nik Mustaffa Shapri Abdul Latiff.

(END)